

21/08/1997

PM, mufti tidak ada masalah

Fazil Arman

LANGKAWI, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak ada sebarang masalah dengan mufti atau mempersoalkan kewibawaan ilmu dan fatwa yang dikeluarkan ahli agama itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata apa yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri dan kerajaan ialah pentadbiran dan pelaksanaan sesuatu fatwa itu.

Ini kerana katanya, fatwa ada dua peringkat iaitu fatwa hukum syarak yang berkaitan dengan pentadbiran yang tujuan pendidikan serta fatwa yang perlu dikuatkuasakan apabila diwartakan.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan sama ada sesuatu fatwa itu berada di peringkat pendidikan atau penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan.

"Perkara ini timbul berikutan kes ratu cantik tetapi dalam hal ini Perdana Menteri tidak menyatakan pertandingan itu sebagai halal (bagi umat Islam).

"Sebaliknya, apa yang dibincangkan ialah dari segi pentadbiran dan penguatkuasaan serta kehakiman Mahkamah Syariah, itu yang dipertikaikan," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat, Langkawi, di sini, petang tadi.

Beliau akan menghadiri mesyuarat antara hakim mahkamah syariah dan pegawai agama negeri, di sini, malam ini, bagi membincangkan penyelarasan pentadbiran undang-undang syariah.

Baru-baru ini, Harakah melaporkan kononnya Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom menuduh iman Dr Mahathir tergelincir berikutan kenyataan beliau berhubung kes penangkapan tiga peserta ratu cantik, baru-baru ini.

Berikutan 'kenyataan' Ishak seperti dilaporkan akhbar berkenaan, Perdana Menteri menyatakan beliau tersinggung dengan perkara itu.

Dr Abdul Hamid berkata, akhbar terbabit sengaja memutar-belitkan kenyataan oleh mufti Selangor dengan tujuan mengelirukan masyarakat, sedangkan beliau tidak bermaksud demikian.

"Mufti tidak menyebut mengenai tergelincir iman, sebaliknya beliau cuma berkata berhati-hati dalam membuat kenyataan menolak hukum, mungkin surat khabar itu tidak ambil semua (kenyataannya) untuk mengelirukan masyarakat," katanya.

Ditanya adakah pihaknya akan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya mengkaji membatalkan permit akhbar terbabit, Dr Abdul Hamid berkata, perkara itu sudah banyak kali dibangkitkan.

"Dari segi politik, kita sudah banyak kali bercakap mengenai perkara ini kerana Harakah bukan untuk awam tetapi bagi ahli Pas saja. Apabila ia dijual kepada umum, itu salah dari segi peraturan," katanya.

(END)